



Skuad futsal wanita UM meraikan kejayaan merangkul pingat emas acara futsal wanita SUKIPT 2022 pada Ahad.

# UM unggul futsal wanita

Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN

Universiti Malaya (UM) dinobatkan juara futsal wanita Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 selepas membelah Universiti Putra Malaysia (UPM) 8-1 dalam aksi terakhir liga sepusingan pada Ahad.

Jurulatih skuad futsal UM, Farhanah Abdullah berkata, beliau cukup berpuas hati corak permainan dipamerkan dalam kalangan pemainnya sepanjang temasya tersebut.

Malah katanya, kejayaan itu juga disifatkan cukup manis dan pengubat duka buat dirinya serta pemain selepas bergelar naib juara pada final Karnival Futsal Wanita Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2022 musim ini.

"Kejuaraan ini amat bermakna kerana sebelum ini kami tumpas kepada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia di final Karnival Futsal Wanita IPT 2022.

"Ini semua adalah misi balas dendam dan lagi manis sebenarnya adalah semua pemain menunjukkan peningkatan yang sangat baik. Mereka juga bermain dengan cemerlang pada setiap perlawanan," katanya ketika ditemui di Arena Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah (UPSIS) pada Ahad.

Sementara itu, Farhanah mengakui masih banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan sekiranya pasukan tersebut mahu melakar lebih banyak kejayaan pada masa depan.

"Para pemain perlu memanfaatkan segala peluang dalam setiap perlawanan. Boleh

diumpamakan, beribu-ribu peluang dihidangkan tapi pemain gagal menterjemahkannya dalam bentuk jaringan.

"Pada saya itulah futsal, siapa yang ambil peluang dia menang. Apa yang saya boleh katakan untuk pasukan futsal wanita UM ini adalah perkara yang perlu ditambah baik.

"Kalau dilihat mereka ada corak permainan, tapi apabila sampai di hujung mereka tak dapat buat penyudah. Jadi, itu adalah perkara paling besar yang kami perlu perbaiki selepas ini," katanya.

Skuad futsal wanita UM mengumpul 12 mata daripada lima perlawanan sekali gus melayakkan pasukan itu meraih emas.

Sementara itu, pingat perak diraih Universiti Teknologi Mara (UiTM) manakala pingat gangsa menjadi milik Kolej Poly-Tech Mara (KPTM).